

Memenuhi Keperluan Pelajar di Universiti Awam Malaysia: Aspek Pendapatan dan Perbelanjaan

Siti Alida John Abdullah*

Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

Fatimah Wati Bt Ibrahim

Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: alida@uum.edu.my

ABSTRAK

Melanjutkan pendidikan ke institusi pengajian tinggi pada masa ini merupakan satu tuntutan politik, ekonomi, sosial dan peribadi. Terdapat pelbagai faedah yang dikaitkan dengan pelaburan bagi tujuan ini sama ada oleh individu pelajar, keluarga mahupun masyarakat. Namun begitu, senario pendidikan tinggi pada masa ini memerlukan bukan sahaja kerajaan membuat pelaburan langsung tetapi juga pelajar dan keluarga mereka perlu membuat sumbangan terus terhadap kos pendidikan tinggi. Oleh yang demikian, adalah penting untuk semua pihak meneliti punca-punca pembiayaan yang dapat menampung keperluan pelajar semasa berada di institusi pengajian tinggi. Punca-punca pembiayaan ini boleh datang daripada sumber-sumber seperti biasiswa, subsidi atau pemberian, pinjaman daripada pelbagai sumber, sumbangan ibu bapa dan keluarga, pendapatan yang didapati oleh pelajar sendiri melalui kerja-kerja sepenuh masa atau separuh masa dalam tempoh pengajian, dan juga tabungan pelajar. Seterusnya, terdapat pelbagai kos yang dikaitkan dengan pendidikan tinggi. Selain kos-kos tidak langsung seperti kehilangan pendapatan semasa belajar, kos-kos langsung yang biasa ditanggung oleh pelajar termasuklah kos pengajian dan kos sara hidup. Dapatan kajian di tiga buah institusi pengajian tinggi awam menunjukkan terdapat perbezaan di kalangan kumpulan pelajar bukan sahaja dari segi jumlah perbelanjaan tetapi juga keutamaan bagi beberapa kategori perbelanjaan tertentu.

Katakunci: *institusi pengajian tinggi, kos pendidikan, pelaburan langsung, punca pembiayaan*

Meeting the Needs of Students of Public Universities in Malaysia: Income and Expenditure Aspects

ABSTRACT

Pursuing education at institutions of higher education today constitutes an economic, social and personal requirement. There are various advantages associated with investment for this purpose either by the individual student, family, or the society. However, the current higher education scenario requires not only the direct contributions from the government but students and their families too should also make direct contribution to the cost of higher education. Therefore, it is important for all parties to conscientiously review the sources of funding that can cover students' requirements while they were at the institutions of higher education. Funding may come from various sources such as scholarships, subsidy or grants, loans from various sources, contributions from parents and families, income earned by the students who engaged in full-time or part-time jobs during their course of study, and also from students' savings. In addition, there are various costs associated with higher education. Other than indirect costs such as the loss of students' income during their study period, other direct costs normally borne by the students include tuition fees and living costs. Study findings from three public institutions of higher education showed differences among student groups not only in terms of the total expenditure but also from the priorities given to various categories of expenditure.

Keywords: *institutions of higher education, education cost, direct investment, source of funding*

PENGENALAN

Pendidikan merupakan sektor penting di semua negara terutamanya dengan wujudnya tekanan yang tinggi untuk bersaing dalam pasaran global yang memerlukan tenaga kerja mahir. Namun begitu, semenjak tahun 1980an, pembiayaan pendidikan tinggi tidak lagi ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan di kebanyakan negara (Brumfield, 2001; Callender & Kemp, 2000; Cummings, 2001; Sufean Hussin, 2002). Oleh sebab para pelajar merupakan pengguna utama dan mendapat faedah langsung daripada pendidikan tinggi, dasar kerajaan telah diubah untuk memastikan pelajar juga menanggung kos pembiayaan pendidikan tinggi (Christie, Munro, & Rettig, 2001; Cummings, 2001; Oosterbeek, 1998). Ini bermakna pelajar perlu mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi untuk menanggung perbelanjaan yang diperlukan selama menuntut di institusi pengajian tinggi. Ketidakupayaan pelajar atau keluarga mereka mendapatkan sumber pembiayaan akan menyebabkan pelajar yang berkelayakan tidak mampu melanjutkan pengajian. Ia juga akan membawa implikasi negatif terhadap ekonomi kerana rakyat yang berpendidikan merupakan pelaburan dan aset yang penting bagi negara (Lane, 2003).

Beberapa kajian mengenai dana dan perbelanjaan pelajar telah dijalankan di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat di peringkat sebuah institusi pengajian dan juga di peringkat kebangsaan oleh agensi yang dilantik oleh kerajaan (Callender & Kemp, 2000; Christie et al., 2001; Oliviera & Pereira, 1999; Staehelin-Witt & Parisi, 1999; Williams & Light, 1999). Kajian-kajian ini mendapati bahawa sumber utama pembiayaan pelajar di institusi pengajian tinggi ialah sumbangan ibu bapa dan pinjaman pelajar. Selain itu, pelajar juga mendapat pendapatan dengan bekerja secara sambilan atau sepenuh masa, menggunakan wang simpanan atau mendapatkan sumber-sumber lain seperti subsidi, geran dan pinjaman bank.

Dari segi perbelanjaan pula, didapati bahawa corak perbelanjaan pelajar di institusi pengajian tinggi adalah bersifat seragam (Davies & Lea, 1995). Pelajar membuat perbelanjaan bagi keperluan kos pengajian seperti yuran, buku, peralatan dan perjalanan pergi balik ke tempat pengajian, dan juga menanggung perbelanjaan sara hidup seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Pada peringkat umur awal dua puluhan, mereka cenderung membelanjakan semua pendapatan untuk keperluan semasa dan belum membuat perbelanjaan kapital yang biasa dilakukan oleh kumpulan yang lebih matang (Henry, Weber, & Yarbrough, 2001).

Menyedari bahawa bantuan kewangan merupakan faktor yang akan menjayakan atau menggagalkan hasrat pelajar melanjutkan pengajian, kerajaan biasanya menyediakan program pinjaman pelajar untuk meringankan beban pembiayaan pelajar dan keluarga mereka (Choy, 1997; Urban, 1995). Program pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah dimulakan sejak tahun 1997 bagi membiayai sebahagian kos pendidikan pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Sehingga Mei 2005, PTPTN telah menyalurkan lebih RM8 bilion pinjaman kepada 650,000 orang pelajar ("PTPTN mampu," 2005).

Secara umumnya, tidak ramai mengetahui bagaimana pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia membelanjakan wang mereka dan kenapa mereka mempunyai corak perbelanjaan sedemikian. Terdapat kajian informal di kalangan sebilangan kecil pelajar di Malaysia yang menunjukkan bahawa terdapat beberapa keperluan dalam perbelanjaan pelajar seperti makanan, komputer peribadi, telefon bimbit, kenderaan, hiburan, pakaian, dan lain-lain (Nurshafenath Shahrudin, 2003). Kajian yang lebih terperinci mengenai corak perbelanjaan pelajar diperlukan supaya dapat membantu proses pembuatan keputusan oleh pelbagai pihak seperti pelajar, ibu bapa, institusi pengajian tinggi, badan-badan penaja dan pemberi pinjaman. Kajian ini cuba menyediakan satu profil umum dan cuba menjawab beberapa persoalan berikut:

- Apakah sumber-sumber pendapatan selain pinjaman pelajar?
- Apakah keperluan perbelanjaan pelajar di institusi pengajian tinggi awam?
- Adakah terdapat perbezaan jumlah perbelanjaan pelajar mengikut jantina, jurusan, etnik, tingkat pendapatan ibu bapa dan lokasi institusi pengajian?

METODOLOGI

Sampel dan tatacara

Sampel kajian terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama secara sepenuh masa. Tiga buah IPTA dipilih secara rawak bagi mewakili dua kawasan taraf hidup yang berbeza. Dua buah IPTA yang terpilih mewakili kawasan negeri-negeri maju ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) sementara Universiti Utara Malaysia (UUM) terpilih untuk mewakili negeri-negeri kurang maju.

Bilangan populasi ialah di antara 8,000 hingga 8800 orang bagi setiap IPTA. Mereka terdiri daripada para pelajar yang menerima pinjaman PTPTN bagi semester Jun 2004/2005 dengan mengecualikan kumpulan pelajar semester pertama yang belum pernah menyempurnakan perbelanjaan bagi tempoh satu semester penuh. Kerangka pensampelan diperoleh daripada pihak PTPTN dan senarai ini kemudian disusun semula mengikut jurusan, tarikh mula pengajian dan kursus/program pengajian. Pensampelan secara rawak sistematik berstrata dibuat untuk mendapatkan sejumlah 500 responden bagi setiap IPTA terpilih.

Soal selidik diberikan kepada pelajar yang terpilih di pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) atau dihantar ke alamat pelajar semasa pengajian yang diperoleh melalui sistem maklumat pelajar di IPTA tersebut. Selain soal selidik dan sampul surat, pelajar juga diberi surat daripada pegawai HEP yang bertindak sebagai pegawai perhubungan kajian bagi memohon kerjasama pelajar mengisi dan mengembalikan soal selidik. Selepas tempoh dua minggu, satu surat peringatan akan dihantar kepada para pelajar yang belum mengembalikan soal selidik. Jika soal selidik masih belum diterima selepas dua minggu, satu set soal selidik baru akan dihantar kepada pelajar. Secara keseluruhan, tempoh pengumpulan data ini mengambil masa antara enam hingga tujuh minggu.

Definisi dan ukuran pendapatan pelajar

Pendapatan pelajar datangnya daripada beberapa sumber seperti simpanan pelajar, sumbangan ibu bapa, biasiswa/dermasiswa/geran, bantuan daripada institusi pengajian, pinjaman pelajar dan sumber-sumber bantuan kewangan yang lain (Finnie, 2002; Williams & Light, 1999). Jumlah daripada semua sumber bagi kegunaan satu semester ditakrifkan sebagai pendapatan pelajar (Callender & Kemp, 2000). Bagi kajian ini, sumber pendapatan pelajar dibahagikan kepada pinjaman PTPTN, pinjaman daripada sumber lain, sumbangan/pemberian wang daripada ibu bapa/penjaga, sumbangan/pemberian wang daripada ahli keluarga lain, simpanan pelajar yang digunakan semasa pengajian, pendapatan pelajar daripada kerja sambilan atau separuh masa, dan pendapatan wang daripada sumber selain daripada di atas misalnya, zakat, hadiah, pampasan, pusaka dan lain-lain.

Pengukuran perbelanjaan pelajar

Jumlah perbelanjaan bagi item-item perbelanjaan yang berbeza perlu dinyatakan oleh pelajar berdasarkan pengalaman sebenar pada semester lepas untuk tempoh masa seminggu, sebulan dan satu semester

(Saunders & Levin, 1974). Bagi perbelanjaan untuk makanan/minuman, jumlah yang dinyatakan akan didarabkan dengan 17 minggu untuk mendapatkan jumlah perbelanjaan bagi satu semester. Sebaliknya, bagi perbelanjaan perjalanan akademik, jumlah yang dinyatakan akan didarabkan dengan 15 minggu atau diberikan amaun tetap berdasarkan jenis pengangkutan pelajar di dalam kampus.

Seterusnya, perbelanjaan bagi sewa penginapan, bil utiliti, perbelanjaan komunikasi seperti penggunaan telefon, telefon bimbit dan internet, dan pembelian pakaian dan perhiasan diri dikira untuk tempoh sebulan dan kemudiannya didarabkan dengan 4.5 bulan bagi mendapatkan perbelanjaan bagi tempoh satu semester. Perbelanjaan untuk satu semester pula terdiri daripada yuran IPT (semua yuran kecuali yuran asrama), yuran asrama, pembelian buku-buku akademik, pembelian bahan dan peralatan akademik, perjalanan bukan akademik (balik kampung @ melancong), pemberian kepada keluarga dan perbelanjaan lain yang tidak disenaraikan di atas (termasuk dobi, hadiah, barangan berkaitan hobi, hiburan dan lain-lain).

Kesemua perbelanjaan ini dicampurkan untuk mendapatkan jumlah perbelanjaan satu semester. Perbelanjaan pelajar juga dipecahkan mengikut komponen kos pengajian dan kos sara hidup. Kos pengajian termasuk semua yuran (kecuali yuran asrama), pembelian buku akademik, bahan dan peralatan (termasuk fotokopi dan penjilidan), dan perjalanan bagi tujuan akademik. Kos sara hidup termasuk perbelanjaan bagi makanan/minuman, tempat tinggal (sewa/yuran asrama), bayaran utiliti, pembelian pakaian dan perhiasan diri, perbelanjaan komunikasi, perjalanan bukan akademik dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang tidak berkait langsung dengan pengajian. Disebabkan bila dan kekerapan berlakunya perbelanjaan untuk pembelian kenderaan, komputer dan telefon bimbit tidak dapat dipastikan, maka tiga jenis perbelanjaan ini dianggap sebagai perbelanjaan khas dan tidak dicampurkan dalam jumlah perbelanjaan satu semester pelajar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Walaupun lebih 80% responden mengembalikan soal selidik bagi ketiga-tiga IPTA yang dikaji, hanya responden yang belum berkahwin sahaja dipilih untuk analisis. Jumlah keseluruhan responden ialah 1200 orang dan majoriti berumur di antara 19 hingga 26 tahun. Terdapat 820 orang (68%) responden wanita berbanding hanya 380 (32%) lelaki. Dari segi etnik, seramai 723 orang (60%) merupakan responden Melayu berbanding 477 orang (40%) bukan Melayu yang terdiri daripada Cina, India dan Bumiputera lain. Seramai 470 orang (39%) ialah responden jurusan sains dan 730 orang (61%) sastera.

Pendapatan dan sumber pendapatan

Didapati bahawa jurang pendapatan antara responden agak besar iaitu RM2,850 sehingga RM5,800 bagi tempoh satu semester. Purata pendapatan bagi keseluruhan responden ialah RM4,050 tetapi separuh daripada mereka mempunyai pendapatan sekitar RM3,000 hingga RM4000. Pinjaman PTPTN bagi tempoh satu semester ialah di antara RM550 hingga RM3,500. Ini bermakna kebanyakan responden mendapat lebih daripada satu sumber pendapatan. Rajah 1 menunjukkan hanya 16% responden mengaku menerima pinjaman PTPTN sebagai satu-satunya punca pendapatan semasa menuntut. Kebanyakan responden menerima dua atau lebih sumber pendapatan bagi tempoh satu semester.

Jadual 1 menunjukkan keputusan ujian t bagi jumlah pendapatan satu semester di kalangan jantina dan jurusan responden. Walaupun terdapat perbezaan yang signifikan bagi purata jumlah pendapatan di antara lelaki dan wanita, perbezaannya hanya sekitar RM100. Responden sains pula mendapat jumlah pendapatan yang lebih tinggi berbanding sastera disebabkan mereka menerima bayaran insentif tambahan sebanyak RM250 satu semester. Dari segi etnik, purata pendapatan responden Cina (RM4,170) lebih

tinggi berbanding Melayu (RM3,973) dan India (RM3,928) disebabkan responden Cina menerima jumlah pendapatan yang lebih tinggi dari segi sumbangan wang daripada ibu bapa, simpanan dan pendapatan daripada pekerjaan sambilan. Seterusnya, analisis varians satu hala menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan nilai $F(2,1162) = 3.476$, $p < .05$ bagi pendapatan responden di tiga buah IPTA ini. Bagaimanapun, keputusan ujian *post-hoc Tukey* hanya menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara responden UKM dan USM sahaja.



Rajah 1
Bilangan Sumber Pendapatan yang Diterima Oleh Responden

Jadual 1
Ujian t Bagi Perbezaan Jumlah Pendapatan Satu Semester

Kumpulan	Purata (RM)	SP	dk	t	Sig.
Lelaki	4122	629	1178	2.420	.011
Wanita	4029	608			
Sains	4124	596	1179	2.986	.000
Sastera	4015	624			

Selain pinjaman PTPTN, responden mempunyai beberapa sumber pendapatan lain seperti pinjaman daripada bank, persatuan, institusi atau organisasi lain. Namun begitu, bilangan responden yang menerima pembiayaan daripada sumber ini sangat sedikit iaitu kurang daripada satu peratus. Umumnya responden memperoleh pendapatan melalui sumbangan wang daripada ibu bapa, ahli keluarga lain, simpanan sendiri, dan pendapatan daripada kerja-kerja sambilan, separuh masa atau semasa cuti semester. Akhirnya, ada juga sebilangan kecil yang mendapat pendapatan menerusi sumber-sumber lain seperti zakat atau pusaka. Jadual 2 menunjukkan bilangan responden yang menerima pendapatan daripada beberapa sumber selain pinjaman PTPTN. Median pendapatan satu semester daripada kebanyakan sumber ini ialah RM500. Selain menampung perbelanjaan bagi responden yang mendapat pinjaman pada kadar separa atau yuran, sumber-sumber pendapatan sekunder ini diperlukan bagi meningkatkan jumlah pendapatan satu semester dan keupayaan berbelanja pelajar.

Jadual 2
Statistik Terpilih Bagi Sumber-sumber Pendapatan Sekunder

Sumber Pendapatan	Bilangan Responden		Amaun Minimum	Amaun Maksimum	Purata	Median
Sumbangan ibu bapa	721	(60%)	RM50	RM3000	RM578	RM500
Sumbangan Keluarga	271	(23%)	40	1500	298	200
Simpanan Pelajar	450	(38%)	100	2560	519	500
Kerja Sambilan	343	(29%)	40	2500	667	500
Lain-lain	63	(5%)	50	1000	467	500

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan dari segi purata, sumbangan ibu bapa yang diterima responden lelaki dan sains lebih tinggi berbanding responden wanita dan sastera. Selain itu, responden yang mempunyai ibu bapa berpendapatan tinggi (melebihi RM2,000 sebulan) menerima sumbangan ibu bapa, simpanan dan pendapatan daripada kerja sambilan yang lebih banyak daripada responden dengan ibu bapa berpendapatan rendah. Perbezaan pendapatan antara RM170 hingga RM500 bagi kedua-dua kumpulan ini adalah signifikan. Seterusnya, responden yang menyewa di luar kampus didapati memerlukan dana tambahan bagi menampung perbelanjaan yang lebih tinggi bagi kos penginapan berbanding responden yang tinggal di asrama. Oleh sebab jumlah pinjaman PTPTN tidak mengambil kira kos penginapan, keperluan perbelanjaan yang berbeza ini perlu didapatkan daripada ibu bapa.

Jadual 3
Ujian t Bagi Perbezaan Pendapatan Daripada Sumber-sumber Berbeza

		Sumber dana	Purata (RM)	SP	dk	t	Sig.
Jantina	Lelaki	Sumbangan	653	557	434	2.066	.039
	Wanita	ibu bapa	565	506			
Jurusan	Sains	Sumbangan	660	595	514	2.629	.009
	Sastera	ibu bapa	550	469			
Pendapatan	Rendah	Sumbangan	484	380	165	-8.131	.000
	Tinggi	ibu bapa	1000	741			
Ibu bapa	Rendah	Simpanan	508	335	84	-2.635	.010
	Tinggi		678	531			
	Rendah	Kerja	682	462	329	-2.530	.012
	Tinggi	sambilan	864	542			
Penginapan	Asrama	Sumbangan	562	510	226	-2.542	.012
	Sewa luar	ibu bapa	690	567			

Selain pendapatan dalam bentuk wang, majoriti responden (68%) mengaku menerima pemberian bukan wang daripada ibu bapa dan keluarga mereka. Pemberian bukan wang seperti makanan, pakaian, buku, bahan dan peralatan akademik, telefon bimbit, komputer dan perkakasannya serta kenderaan dapat mengurangkan beban kewangan pelajar semasa sedang mengikuti pengajian. Namun begitu, peratusan responden Cina (74%) yang mendapat pemberian bukan wang adalah lebih tinggi berbanding responden Melayu (68%) dan India (63%) yang menerima pemberian tersebut.

Perbelanjaan dan kategori perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan responden mempunyai julat yang besar iaitu antara RM2,677 hingga RM5,440 dan purata sebanyak RM3,680 (sp. RM585). Jumlah ini termasuk perbelanjaan bagi kos-kos pengajian dan sara hidup. Majoriti responden (70%) berbelanja kurang daripada RM4000 bagi tempoh satu semester.

Keputusan ujian *t* menunjukkan tidak ada perbezaan signifikan di antara responden lelaki dan wanita dari segi jumlah perbelanjaan satu semester. Sebaliknya, perbezaan purata perbelanjaan satu semester di kalangan responden sains (RM3,749, sp. RM596) dan sastera (RM3,635, sp. RM574) adalah signifikan di mana $t(1173) = 3.268$, $p < .01$. Jadual 4 pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi jumlah perbelanjaan di kalangan responden di institusi pengajian yang berbeza, di antara etnik, tahun pengajian dan jenis penginapan. Disebabkan taraf hidup yang berbeza, responden IPTA di negeri-negeri maju seperti UKM dan USM memerlukan perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding responden di negeri kurang maju (UUM). Perbelanjaan responden Cina didapati jauh lebih tinggi berbanding responden Melayu. Keadaan ini mungkin disebabkan responden Cina mendapat pendapatan satu semester yang lebih tinggi berbanding responden Melayu.


Jadual 4
Statistik Deskriptif dan Keputusan ANOVA Bagi Jumlah Perbelanjaan Satu Semester

		Deskriptif (RM)		ANOVA		
		Purata	SP	dk	F	P
Etnik	Melayu	3605	556	(2,1150)	14.127	.000
	Cina	3793	607			
	India	3780	622			
IPTA	UUM	3563	549	(2,1150)	29.611	.000
	UKM	3857	600			
	USM	3609	559			
Tahun	Satu	4107	682	(3,1147)	15.904	.000
	Dua	3610	561			
	Tiga	3672	572			
	Empat	3923	593			
Penginapan	Asrama	3614	564	(2,1150)	32.435	.000
	Sewa	3934	584			
	Rumah	3461	589			

Perbelanjaan pelajar terdiri daripada kos-kos pengajian dan sara hidup. Kos pengajian dipecahkan kepada empat jenis perbelanjaan iaitu yuran pengajian dan yuran-yuran lain (kecuali yuran asrama), pembelian buku akademik, pembelian bahan dan peralatan untuk kegunaan akademik dan perbelanjaan bagi perjalanan akademik iaitu berulang alik dari tempat menginap ke kampus. Purata perbelanjaan satu semester bagi kos pengajian ialah RM1,233 dengan perbelanjaan yuran sebagai item terpenting iaitu di antara RM570 hingga RM1,459. Ini diikuti dengan keperluan untuk membeli buku akademik (purata RM233, sp. RM103) dan bahan/peralatan akademik (purata RM118, sp. RM87). Sementara itu, purata perbelanjaan bagi perjalanan akademik agak rendah iaitu sekitar RM90 (sp. RM118) sahaja.

Sebaliknya, purata perbelanjaan bagi menampung kos sara hidup adalah dua kali ganda kos pengajian (RM2,480) dengan jumlah minimum sebanyak RM1,440 dan maksimum sebanyak RM3,895. Rajah 2 menunjukkan purata beberapa item perbelanjaan di bawah kategori perbelanjaan sara hidup. Perbelanjaan yang terpenting di bawah kategori ini ialah makanan/minuman dengan purata sebanyak RM1,065 (sp. RM275) bagi tempoh satu semester. Walaupun perbelanjaan sewa penginapan merupakan item kedua

terpenting dalam bajet, ia hanya ditanggung oleh 21% daripada responden. Purata perbelanjaan ini ialah RM570 (sp. RM162) satu semester iaitu hampir dua kali ganda lebih tinggi berbanding yuran asrama bagi responden yang tinggal di asrama (RM312, sp. RM66). Bagi responden (39 orang) yang tinggal bersama-sama keluarga semasa sedang menuntut, mereka bukan sahaja dapat berjimat dari segi kos penginapan (sewa dan utiliti atau yuran asrama) tetapi juga sebahagian daripada perbelanjaan makan/minum.



Rajah 2
Purata Perbelanjaan Sara Hidup Bagi Tempoh Satu Semester

Dapat diperhatikan daripada rajah berkenaan bahawa item perbelanjaan ketiga terpenting kepada responden ialah pemberian wang kepada keluarga. Didapati 26% daripada responden memberi antara RM50 hingga RM1,200 kepada keluarga untuk tempoh satu semester dengan responden Melayu sebagai kumpulan majoriti (67%) daripada 309 responden yang menanggung perbelanjaan ini. Perbelanjaan bagi

Jadual 5
Statistik Deskriptif dan Keputusan ANOVA Bagi Perbelanjaan Sara Hidup (RM)

		Purata (RM)	SP.	dk	F	P
Etnik	Melayu	2,409	476	(2,1143)	16.558	.000
	Cina	2,588	530			
	India	2,557	542			
IPTA	UUM	2,368	503	(2,1165)	16.502	.000
	UKM	2,572	491			
	USM	2,502	512			
Penginapan	Asrama	2,437	495	(2,1165)	28.691	.000
	Sewa	2,679	499			
	Rumah	2,175	555			
Tahun	Satu	2,652	515	(3,1162)	3.026	.000
	Dua	2,440	507			
	Tiga	2,482	501			
	Empat	2,658	517			

pakaian dan telekomunikasi merupakan dua lagi perbelanjaan sara hidup yang penting kepada pelajar di IPTA. Ia ditanggung oleh hampir keseluruhan responden dengan purata RM340 (pakaian) dan RM270 (telekomunikasi) satu semester. Selain daripada itu, pelajar juga menanggung kos perjalanan bukan akademik seperti perjalanan dari rumah ke kampus atau balik kampung, melancong, hobi/hiburan, cenderamata dan lain-lain.

Dari segi demografi, ujian t menunjukkan perbelanjaan sara hidup tidak berbeza dengan signifikan di antara jantina dan jurusan responden. Sebaliknya, perbelanjaan ini didapati berbeza dengan signifikan berdasarkan tingkat pendapatan ibu bapa. Responden dengan ibu bapa berpendapatan tinggi menanggung purata perbelanjaan sara hidup yang lebih tinggi (RM2,580) berbanding mereka yang mempunyai ibu bapa berpendapatan rendah (RM2,465) di mana $t(1114) = 2.827, p < .01$. Hal yang sama dapat diperhatikan melalui Jadual 5 yang menunjukkan perbezaan purata perbelanjaan sara hidup di antara etnik, IPTA, jenis penginapan dan tahun pengajian responden.

Selain perbelanjaan pakai habis yang ditanggung melalui perbelanjaan pengajian dan sara hidup, pelajar IPTA juga membuat beberapa perbelanjaan khas seperti membeli kenderaan (kereta atau motosikal), komputer dan perkakasnya serta telefon bimbit. Hanya 15% responden membeli sendiri kenderaan dengan perbelanjaan di antara RM500 hingga RM40,000 tetapi 90% daripada mereka membelanjakan kurang daripada RM6,500 dan median perbelanjaan ialah RM3,775. Ini bermakna motosikal merupakan pilihan utama kenderaan yang dibeli untuk kegunaan semasa di kampus.

Berbeza pula halnya dengan pembelian komputer dan telefon bimbit yang dianggap sebagai dua barang keperluan kepada pelajar. Seramai 759 (63%) responden mengaku memiliki komputer peribadi dan 68% daripada mereka membeli sendiri dengan perbelanjaan antara RM600 hingga RM6000. Ujian t dan ANOVA menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi pembelian komputer berdasarkan tingkat pendapatan ibu bapa $\{t(84) = 2.991, p < .01\}$ dan etnik $\{F(2,494) = 7.001, p < .01\}$. Responden dengan ibu bapa berpendapatan tinggi membelanjakan purata RM2,936 (sp. RM1,056) berbanding responden dengan ibu bapa berpendapatan rendah (purata RM2,545, sp. RM894). Responden Cina lebih cenderung membeli komputer yang lebih mahal (RM2,899, sp. RM1,029) berbanding India (RM2,772, sp. RM1,111) dan Melayu (RM2,500, sp. RM834).

Sementara itu, 97% responden memiliki telefon bimbit semasa menjawab soal selidik. Daripada 35 responden yang tidak memilikinya, 22 orang berhasrat untuk membeli. Sebanyak 70% responden membeli sendiri telefon bimbit mereka dengan median perbelanjaan sebanyak RM400. Majoriti berbelanja antara RM200 hingga RM770 (90%) walaupun terdapat 3.6% responden yang berbelanja antara RM1,000 hingga RM1,500 untuk membeli sebuah telefon bimbit. Ujian t dan ANOVA menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara responden dengan tingkat pendapatan ibu bapa yang berbeza $\{t(722) = 2.854, p < .01\}$ dan etnik $\{F(2,737) = 37.701, p < .01\}$ bagi pembelian komputer. Responden dengan ibu bapa berpendapatan tinggi dan responden Cina lebih cenderung membeli telefon bimbit yang lebih mahal berbanding kumpulan perbandingan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hanya sebilangan kecil responden bergantung kepada pinjaman PTPTN sebagai satu-satunya sumber pendapatan mereka. Majoriti responden menerima lebih daripada satu sumber pendapatan dengan jumlah pendapatan tambahan antara RM40 hingga RM3,000 satu semester. Di antara kesemua sumber pendapatan sekunder, pemberian wang daripada ibu bapa menyumbang perbezaan purata pendapatan yang paling tinggi di kalangan responden, diikuti dengan pendapatan daripada kerja sambilan, simpanan dan pemberian wang daripada ahli keluarga lain. Tanggungan pelajar, keluarga dan masyarakat akan

dapat dikurangkan jika para pelajar mempunyai peluang dan kesanggupan untuk mendapatkan pendapatan sampingan daripada kerja-kerja sambilan, separuh masa atau semasa cuti semester. Namun begitu, hasil kajian mendapati bahawa responden Cina lebih berpeluang dan sanggup membuat kerja-kerja sambilan semasa cuti untuk menambah pendapatan mereka.

Selain menyumbang kepada jumlah pendapatan pelajar, apa yang lebih perlu diketahui adalah bagaimana wang tambahan ini digunakan. Adakah ianya digunakan untuk menampung perbelanjaan seperti penggunaan alat komunikasi atau pembelian pakaian dan perhiasan diri secara berlebihan, atau digunakan untuk membuat pembelian kenderaan dan komputer peribadi bagi kegunaan semasa pengajian? Tidak dapat dinafikan bahawa pelajar dan keluarga mereka menganggap bahawa komputer dan telefon bimbit merupakan dua keperluan pelajar yang tidak boleh diabaikan. Apa yang membezakan kumpulan pelajar ialah jumlah yang sanggup mereka belanjakan untuk memenuhi keperluan ini. Kajian ini menunjukkan bahawa responden Cina cenderung membeli telefon bimbit, komputer peribadi dan kenderaan yang lebih mahal serta membelanjakan jumlah yang banyak untuk makanan/minuman, sewa, perjalanan bukan akademik, penggunaan telefon bimbit dan pembelian pakaian. Hal ini mungkin disebabkan mereka mendapat lebih banyak pendapatan berbanding etnik lain atau mereka lebih terpengaruh dengan cara hidup masa kini yang lebih moden dan bergaya.

Selain itu, perlu juga diambil perhatian mengenai perbezaan taraf hidup dan penyediaan prasarana yang wujud untuk kemudahan pelajar di antara IPTA. Tanggungan perbelanjaan pelajar berbeza dari segi keperluan makanan/minuman, bayaran tempat penginapan (asrama/menyewa), utiliti dan kos pengangkutan pergi balik dari tempat penginapan ke kampus. Para pelajar yang tinggal di asrama atau di rumah keluarga semasa sesi pengajian dapat berjimat bagi perkara-perkara di atas. Penjimatan ini sebaliknya didapati menyebabkan mereka cenderung meningkatkan perbelanjaan bagi penggunaan telefon bimbit dan pembelian pakaian dan perhiasan diri.

Selaras dengan dapatan kajian ini, dapat dibuat kesimpulan bahawa maklumat mengenai kos-kos yang terlibat dalam melanjutkan pendidikan ke peringkat tinggi perlu disebarkan kepada pelajar dan bakal pelajar institusi pengajian tinggi. Maklumat yang jelas mengenai sumber pembiayaan perlu diberikan bersama-sama dengan maklumat mengenai perbelanjaan-perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pelajar dan tanggungan hutang mereka semasa tamat pengajian. Maklumat ini amat berguna kepada keluarga dan kerajaan untuk merancang jumlah pembiayaan yang mencukupi bagi keperluan di IPT. Kurangnya maklumat mengenai aspek-aspek ini berkemungkinan akan melahirkan kumpulan generasi pelajar yang boros dan tidak peka terhadap keperluan berbelanja dengan berhemat. Mereka perlu sedar mengenai tanggungjawab sebagai penghutang dan merancang strategi pembayaran balik dengan lebih baik. Antara strategi yang boleh diamalkan oleh pelajar ialah meningkatkan keupayaan untuk menjana pendapatan yang tinggi selepas tamat pengajian. Ini dapat dilakukan dengan menumpukan usaha memperbaiki keputusan akademik dan mengumpul seberapa banyak nilai tambah semasa sedang mengikuti pengajian. Selain itu, pelajar yang mengamalkan corak perbelanjaan yang berhemat semasa sedang mengikuti pengajian mempunyai potensi yang lebih tinggi untuk meneruskan amalan berkenaan dan berkeupayaan membuat dan melaksanakan rancangan kewangan yang lebih baik di masa hadapan.

Berikutan itu, adalah perlu bagi kerajaan, institusi pembiayaan dan pihak pengurusan universiti untuk menyediakan pelbagai program penyebaran maklumat kepada para pelajar mulai minggu awal pengajian sehingga peringkat pelajar akan menamatkan pengajian. Di peringkat awal, selain mendedahkan para pelajar kepada program-program pembiayaan yang tersedia, matlamat pembiayaan dan tanggungjawab pelajar sebagai penghutang perlu diperjelaskan. Hal ini penting supaya pelajar dapat melihat kesan penggunaan wang awam yang begitu bernilai kepada diri mereka, keluarga, penghutang akan datang dan masyarakat secara keseluruhannya. Sesi teknik perancangan dan pengurusan kewangan secara berkala

perlu diadakan sebagai memenuhi keperluan membimbing dan mengukuhkan keupayaan pengurusan wang di kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Brumfield, W. W. (2001). *The open gates: The rise of student loan indebtedness and the sosial processes of borrowing money in the pursuit of higher education*. Unpublished PhD, Louisiana State University.
- Callender, C., & Kemp, M. (2000). *Changing student finances: Income, expenditure and the take-up of student loans among full and part-time higher education students in 1998/99*. Retrieved Aug. 13, 2003, from <http://www.wpsw.co.uk/callender.htm>.
- Choy, S. (1997, December 10, 1997). *Early labor force experiences and debt burden*. Paper presented at the National Symposium on Student loan debt: Problems and prospects, Washington, DC.
- Christie, H., Munro, M., & Rettig, H. (2001). Making ends meet: Student incomes and debt. *Studies in Higher Education*, 26(3), 363-383.
- Cummings, H. M. (2001). *The many faces of debt: A comparative study of how the prospect of debt influences student decision-making*. Unpublished PhD, Indiana University.
- Davies, E., & Lea, S. (1995). Student attitudes to student debt. *Journal of Economic Psychology*, 16, 663-679.
- Finnie, R. (2002). Student loans, student financial aid and post-secondary education in Canada. *Journal of Higher Education Policy & Management*, 24(2), 155-170.
- Henry, R., Weber, J., & Yarbrough, D. (2001). Money management practices of college students. *College Student Journal*, 35(2), 244-249.
- Lane, K. (2003, Feb. 17). How much is too much? *Community College Week*, 15, 6-9.
- Nurshafenath Shaharuddin. (2003). That uni priority list. *New Straits Times*.
- Oliviera, T., & Pereira, P. (1999). Who pays the bill? Study costs and students' income in Portuguese higher education. *European Journal of Education*, 34(1), 111-121.
- Oosterbeek, H. (1998). An economic analysis of student financial aid schemes. *European Journal of Education*, 33(1).
- PTPTN mampu keluar pinjaman baru. (2005, 17 Jun). *Berita Harian*. Saunders, P., & Levin, E. (1974). Student income and expenditure: The results of a survey at the University of Stirling, 1974. *Bulletin*, 51-66.
- Staehelin-Witt, E., & Parisi, P. (1999). Cost of studies, financing of studies and study mode: National study for Switzerland. *European Journal of Education*, 34(1), 75-85.
- Sufean Hussin. (2002). Agenda politik pembinaan negara dan dasar-dasar pendidikan: Suatu imbasan am. In Sufean Hussin (Ed.), *Dasar pendidikan progresif: Perspektif makro dan mikro*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Urban, J. (1995, Aug.). Our college graduates are burdened with too much debt. *Executive Report*, 13, 3.
- Williams, G., & Light, G. (1999). Student income and costs of study in the United Kingdom. *European Journal of Education*, 34(1), 23-41.